

Headline	Mainan minda Misteri Dilaila		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	12 Jan 2019	Color	Full Color
Section	Bintang Popular	Circulation	69,985
Page No	30,31	Readership	209,955
Language	Malay	ArticleSize	1639 cm <sup>2</sup>
Journalist	Raja Nurfatimah Mawar Mohamed	AdValue	RM 56,281
Frequency	Daily	PR Value	RM 168,843

30

SABTU  
12.01.2019

b\*pop

BH variasi

# Mainan minda Misteri Dilaila

→ Helah Syafiq janji kejutan buat penonton

Oleh Raja Nurfatimah  
Mawar Mohamed

rajamawar@bh.com.my

Perang psikologi menjadi 'permainan' pengarah muda, Syafiq Yusof, 26, dalam setiap filem arahnya.

Anak muda yang bergelar pengarah pada usia 18 tahun itu dilihat suka membuat penonton berfikir panjang dan akhirnya, jawapan diberikan menerusi 'plot twist' tanpa disangka.

Melihat filem pertama arahnya, *Saya Amat Mencintaimu (SAM)* pada 2012, siapa sangka pengarah semuda dirinya mampu bermain dengan perang psikologi dan teknik kamera yang mengagumkan dalam naskah pertamanya.

Tidak ketinggalan, filem arahnya yang lain seperti *Abang Long Fadil*, *Villa Nabila*, *Mat Moto*, *Desolasi*, *Abang Long Fadil 2* dan *KL Special Force*. Semua eksperimen sutradara berbakat besar ini dilihat menjadi.

#### Enam bulan siap skrip

Terbaru, pengiat seni yang pernah diiktiraf dalam *Malaysia Book of Records* sebagai Pengarah Filem Paling Muda itu akan muncul dengan karya berjudul *Misteri Dilaila*, terbitan Skop Productions Sdn Bhd.

Filem kelapan arahan Syafiq itu dibintangi oleh Zul Ariffin, Datuk Rosyam Nor, Sasqia Dahuri, Elizabeth

Tan, Nam Ron, Mas Khan, Iz Sulaini dan ramai lagi. Ia dijadualkan menemui penonton di pawagam pada 21 Februari depan.

Sekali lagi memilih naskah bercorak misteri dan cemas, filem terbabit menampilkan kisah yang sukar dirungkai dengan mata kasar, selain diselitkan elemen seram.

Syafiq berkata, dia mengambil masa selama enam bulan untuk menyiapkan skrip *Misteri Dilaila*.

"Saya banyak mengkaji filem seram dari Eropah dan Korea. Saya perhatikan, filem dari Korea banyak diselitkan elemen cemas dalam karya bercorak seram terbitan mereka.

"Filem *Misteri Dilaila* bukan hanya seram, misteri dan 'thriller', malah banyak 'plot twist' yang dicipta untuk menimbulkan permainan minda antara penonton dan karakter.

"Saya yakin, tiada filem dalam Malaysia yang pernah melakukan 'plot twist' sebegini. Saya berani katakan, penonton tidak akan terfikir dengan pengakhiran cerita ini.

"Saya pula akan melakukan kejutan selepas seminggu tayangan filem ini. Kejutan secara realiti untuk penonton," katanya yang kini sibuk dengan peringkat akhir produksi filem terbabit.

#### Cuaca sejuk, kabus jadi cabaran

Bapa kepada dua cahaya

mata itu berkata, filem yang menjalani penggambaran selama 37 hari di Bukit Fraser, Pahang, dan Institut Penyelidikan Hutan Malaysia (FRIM), Selangor, itu menelan belanja RM2.2 juta.

"Kami menjalani penggambaran selama 36 hari di Bukit Fraser. Cabarannya tentulah cuaca yang terlalu sejuk.

"Inilah kali pertama saya menjalani penggambaran di kawasan berhawa dingin dan kerap hujan. Jika penggambaran dilakukan pada waktu malam, kabus terlalu tebal.

"Bayangkan, jam 6 petang pun kabus sudah tebal dan gelap. Mujurlah, banyak babak pada waktu malam membolehkan penggambaran dalam banglo," katanya.

Ujar Syafiq, Skop Productions menghabiskan kira-kira RM300,000 untuk mengubah suai sebuah hospital lama zaman kolonial untuk dijadikan banglo.

"Kami ubah semuanya, daripada lantai, dinding dan perabot. Banglo ini sudah lama ditinggalkan kosong, jadi kos untuk mengubah suai menelan belanja tinggi.

"Saya menggunakan khidmat pereka dalaman untuk reka bentuk khas yang sesuai dengan filem seram. Kerja ubah suai itu sahaja mengambil masa selama sebulan untuk disiapkan.

"Saya pula sengaja memilih konsep Inggeris untuk mendapatkan 'mood' dan elemen seram filem ini," katanya.

Headline	Mainan minda Misteri Dilaila		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	12 Jan 2019	Color	Full Color
Section	Bintang Popular	Circulation	69,985
Page No	30,31	Readership	209,955
Language	Malay	ArticleSize	1639 cm <sup>2</sup>
Journalist	Raja Nurfatimah Mawar Mohamed	AdValue	RM 56,281
Frequency	Daily	PR Value	RM 168,843



**Syafiq**

- Syafiq tidak dapat menahan kerinduan apabila berpisah lama dengan isteri dan dua anaknya. Dia terpaksa membawa mereka ke Bukit Fraser selama seminggu untuk menemaninya.
- Kutipan bersejarah RM43 juta dicatatkan filem arahan Syamsul Yusof, Munafik 2, menjadi inspirasi buat Syafiq untuk menghasilkan karya sehebat abangnya.
- Syafiq akan mengarah filem Abang Long Fadil 3 tidak lama lagi.



## Sukar kawal emosi

Bagi Syafiq yang pernah diangkat sebagai Pengarah Harapan Terbaik, Festival Filem Malaysia Ke-25 (FFM25), cabaran paling utama mengarahkan filem seram adalah kawalan emosi dan wajah pelakon sewaktu adegan seram dilakukan.

"Agak sukar untuk saya mengawal emosi dan wajah pelakon kerana terlalu banyak unsur cemas dalam filem ini. Saya juga tidak mahu pelakon terlalu penat di lokasi.

"Saya juga harus meneliti setiap babak supaya adegan dilakukan dengan logik, bukan dibuat-buat. Alhamdulillah, saya bekerja dengan pelakon yang hebat seperti Zul Ariffin, Rosyam dan Nam Ron. Lakonan Elizabeth

dan Sasqia juga boleh dipuji. Masing-masing tidak berputus asa dan sentiasa mahu belajar bagi memperbetulkan kesilapan," katanya.

**Siapa Dilaila?**

Akuinya, dia memang cukup teliti ketika menghasilkan filem berkenaan. Apatah lagi dia sendiri menyukai jalan cerita filem terbaru garapannya itu dan berkeyakinan penonton akan berkongsi perasaan sama dengannya.

"Saya lihat, industri perfileman tempatan kembali bernafas selepas banyak filem mendapat kutipan tinggi, tahun lalu. Sebagai pengarah, saya harus menghasilkan filem yang mampu menarik penonton ke pawagam," katanya.

Misteri Dilaila mengisahkan pasangan suami isteri, Jefri (Zul Ariffin) dan Dilaila (Elizabeth) bercuti di sebuah banglo di Bukit Fraser. Malam pertama di sana, Jefri diganggu dengan kejadian aneh. Keesokannya, lelaki itu mendapati isterinya hilang.

Imam Aziz (Nam Ron) muncul dengan berita gembira. Dia memberitahu, isterinya sudah ditemui dalam keadaan selamat. Jefri bagaimanapun terkejut wanita yang muncul bersama Imam Aziz bukan isterinya. Wanita itu mengakui dirinya Dilaila. Persoalan mula bermain di fikiran, siapa betul dan salah dalam situasi berkenaan.



**variasi** **BH**

**“**Saya yakin, tiada filem dalam Malaysia yang pernah melakukan ‘plot twist’ sebegini. Saya berani katakan, penonton tidak akan terfikir dengan pengakhiran cerita ini. Saya pula akan melakukan kejutan selepas seminggu tayangan filem ini. Kejutan secara realiti untuk penonton **”**

